



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
(UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Dan Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	NISSAN X-TRAIL 4WD 2.5L A/T	JMB525	1	17,000.00

2. Aset boleh dilihat pada hari bekerja bermula 16.05.2022 hingga 23.05.2022 di antara jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di Perkarangan tempat letak kereta di belakang Dewan Besar Pusat Islam Iskandar Johor, Blok A, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Sila patuhi prosedur operasi standard (SOP) pencegahan penularan penyakit berjangkit Covid-19 seperti saranan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25)** yang diperoleh di alamat seperti para 4. Tawaran adalah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda **No. Sebutharga JAINJ.BKP.010/113/3 JLD.6-12/2022** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga yang disediakan di Unit Kewangan di alamat :-

**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
ARAS 4, BLOK A, PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR
JALAN MASJID ABU BAKAR, KARUNG BERKUNCI 725
80990 JOHOR BAHRU, JOHOR**

5. Tarikh tutup sebut harga pada 24.05.2022 jam 12.00 tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(DATO' HAJI MD. ROFIKI BIN DATO' HAJI A.SHAMSUDIN)

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Tarikh

Cap



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah.
3. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk **Wang Pos atau Draf Bank** sahaja atas nama **PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR.**
4. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is where-is basis).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan dan urusan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya serta segala urusan berkaitan dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan atau mana-mana jabatan yang berkaitan sekiranya ada hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah **membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan.** Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
9. Pembeli yang berjaya hendaklah **mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan.** Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah memadam apa jua bentuk catatan / tanda berkaitan **JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR / HAK KERAJAAN** pada kenderaan.

Nota: Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Jabatan.